



22 NOV, 2025

Dua kilang haram proses tayar terpakai, batu bata diserbu MPKS

Berita Harian, Malaysia



Dua kilang haram proses tayar terpakai, batu bata diserbu MPKS

Shah Alam: Dua kilang yang memproses tayar terpakai dan batu bata beroperasi tanpa kebenaran diserbu Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dalam operasi bersepadu dekat Jeram, Kuala Selangor.

Operasi dari jam 9 pagi hingga 3 petang itu disertai 42 petugas pelbagai jabatan bersama agensi teknikal termasuk Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN); Jabatan Alam Sekitar (JAS); Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kuala Selangor; Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan **Tenaga Nasional Berhad (TNB).**

Jurucakap MPKS berkata, sepanjang operasi pada Rabu itu, penguatkuasaan diambil mengikut Seksyen 109 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) kerana tidak mematuhi notis serta Seksyen 70(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) kerana mendirikan bangunan tanpa kebenaran.

"Jabatan Kesihatan & Persekitaran MPKS turut mengambil tindakan mengikut UUK 17, UUK 22 dan UUK 32 Undang-Undang Kecil PTPP (MDKS) 2007 berhubung kebersihan, pelepasan kumbahan dan kacau ganggu habuk serta bunyi.

"Tindakan lanjut membabitkan pengeluaran notis mengikut Seksyen 82(5) Akta 133 terhadap aktiviti menyebabkan kacau ganggu kepada persekitaran. JAS pula mengeluarkan Notis Arahan di bawah Seksyen 31



Antara jentera yang disita MPKS dalam operasi bersepadu dekat Jeram, Kuala Selangor.

(Foto ihsan MPKS)

dan 37 Akta Kualiti Alam Seke-liling 1974 untuk tujuan siasatan berkaitan pelepasan udara," katanya, semalam.

MPKS memaklumkan, Jabatan Perancangan Pembangunan dan PDT Kuala Selangor turut mengambil tindakan susulan di bawah kategori Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) bagi memastikan proses pematuhan dilaksanakan pemilik premis.

Katanya, tindakan kompaun dan notis, operasi ini turut membabitkan pemotongan dan rampasan meter air oleh Air Selangor selepas mendapat kelulusan SPAN.

Bagi bekalan elektrik, TNB

Kuala Selangor membuat se-makan pemilikan meter dan mengambil maklumat lengkap bagi proses pengeluaran notis pemotongan bekalan elektrik, mengikut prosedur yang ditetapkan tanpa melakukan pemotongan serta-merta di lokasi.

"Melalui operasi ini, MPKS berjaya melaksanakan dua tindakan penutupan premis serta mengeluarkan empat kompaun membabitkan pelbagai peruntukan undang-undang tempatan.

"Secara keseluruhannya, 17 peralatan perniagaan dan jentera yang digunakan dalam operasi pengeluaran kilang itu disita," katanya.